

11/07/1997

Hukum syarak undang-undang adil

Abdurrahman Haqqi

PADA Ogos tahun 1938 di The Hague, Belanda diadakan sebuah persidangan antarabangsa mengenai Undang-Undang Perbandingan. Ia dihadiri oleh pengamal undang-undang antarabangsa termasuk pakar fikah Islam dari Universiti al-Azhar Mesir sebagai wakil dunia Islam kala itu.

Setelah terjadi perdebatan sengit dalam mempertahankan fikah Islam sebagai satu bahagian daripada realiti kehidupan umat Islam oleh ulama al-Azhar maka persidangan pada akhirnya membuat keputusan antaranya mengiktiraf fikah Islam sebagai salah satu sumber perundangan dunia; mengiktiraf fikah Islam sebagai perundangan yang hidup dan boleh berubah; dan mengiktiraf fikah Islam sebagai sebuah perundangan yang independent dengan pengertian tidak diambil daripada mana-mana perundangan lain (lihat asy-Syazili, al-Madkhal..., 28).

Sebelum persidangan itu, umat Islam memang tidak pernah diajak bicara secara rasmi dalam sebuah seminar, persidangan atau simposium antarabangsa untuk memperkenalkan dan mempromosi fikah mereka kepada dunia luar. Ini kita maklumi kerana pada masa itu banyak negara Islam masih dijajah yang tentunya salah satu akibatnya adalah meniadakan atau menghapus peranan agama dalam pentadbiran negara. Dalam era kolonial inilah umat Islam menjadi lemah dan mereka di bawah belas kasih penjajah yang tamak.

Walaupun fikah Islam bukan undang-undang positif yang boleh dikuatkuasakan secara fizikal oleh mahkamah, ia sangat mengikat perilaku umat Islam sejagat secara moral. Bahkan, andainya perilaku berkenaan sudah dihadapkan kepada waliyul amri dan kemudian ia diputuskan sebagai suatu kesalahan maka hukuman akan dijatuhkan. Dalam melaksanakan zakat, sebagai contoh, walaupun kita tak menjumpai apa-apa kodifikasi pada masa lampau di kerajaan-kerajaan Islam tetapi kerajaan dengan institusi al-Jibayah boleh menguatkuasakan pengambilan harta zakat yang nampak seperti ternakan dan tanaman kemudian dihimpun di Bait al-Mal yang kemudiannya akan mengagihkannya kepada yang berhak.

Hukuman yang dijatuhkan kepada pelanggar hukum syarak dalam konteks kajian fikah jenayah Islam sebenarnya penyelamat bagi pelanggar terbabit kerana dengan menjatuhkan hukuman duniawi yang kemudian akan membawa kepada kesedaran untuk bertaubat, hukuman ukhrawi akan terhindar. Dengan itu pesalah akan terselamat daripada azab Tuhan.

Melaksanakan undang-undang Tuhan dalam bentuk fikah adalah matlamat setiap insan muslim. Seorang muslim akan berasa lega, selesa dan tenang jika ia melaksanakannya. Sebaliknya, ia akan berasa kecil hati, resah dan takut jika melanggarnya. Jika sebuah hadis menyebutkan: "Jika Allah menginginkan kebaikan ke atas seseorang maka Dia akan memberinya kefahaman yang benar dalam beragama" (HR. Bukhari & Muslim), maka bagaimana jika semua lapisan masyarakat yang memahami agama? Bukankah kebaikan akan memihak kepada mereka seperti dijanjikan hadis berkenaan?

Masyarakat yang mengerti dan mengamalkan undang-undang agama dan negara adalah cita-cita setiap kelompok masyarakat bertamadun. Tak kisah masyarakat Baratkah atau Timur. Masyarakat yang melaksana undang-undang agama dan negara akan termasuk dalam masyarakat yang difirmankan Allah bermaksud: "...dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa; iaitu mereka (umat Islam) yang jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada

melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar, Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan" (QS. al-Hajj: 40-1).

Dalam ayat di atas jelas disebutkan bahawa masyarakat pengamal undang-undang akan ditolong Allah dalam segala hal. Bukankah undang-undang agama itu mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan beramar makruf bernahi mungkar atau menyuruh taat mencegah maksiat? Dan bukankah melaksana undang-undang negara adalah pengertian daripada in-makkannaahum atau jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah?

Malaysia sebagai salah sebuah negara Islam kontemporari mempunyai banyak undang-undang sama ada yang sivil mahu pun syariah. Walaupun pengamal undang-undang sivil mempunyai tempat yang berprestij di mata masyarakat sebelum dan selepas merdeka tetapi saudaranya yakni pengamal undang-undang syariah masih memperjuangkannya hingga kini. Dan, alhamdulillah, titik-titik terang sudah mulai bertaburan demi memartabatkannya semula. Ini kerana sebelum penjajahan memang undang-undang syariahlah yang berkuasa di belahan bumi ini.

Untuk merakamkan fakta sejarah Malaysia moden inilah, maka buku 'Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia' karya Prof Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim, Pengamal undang-undang dan Pemangku Timbalan Rektor (Akademik) Universiti Islam Antarabangsa (UIA) adalah 'warisan intelektual negara' seperti dikatakan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim). Buku ini mempunyai kelebihan tersendiri kerana pelancarannya dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong sendiri.

Dalam persidangan 'Islam and Justice' pada 3 Jun 1993, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menyatakan: "In multi-religious Malaysia, the government which is led by Muslims has to show to all quarters, Muslim and non-Muslim, that its administration based on the concept and principles of Islamic justice is truly fair".

Beliau menambah: "Muslim who are in power, judges and Muslim administrators in Malaysia should not be arrogant because of their power and should not forget Islamic principles of justice. It is important that the administration in Malaysia led by Muslims, prove that their rule is fair to all, is non-partisan and non-oppressive".

Nah, andainya pentadbir negara diminta untuk tidak bongkak dalam mentadbir negara tentunya rakyatpun diminta untuk tidak bersikap demikian, yang mana salah satu bentuknya adalah melawan undang-undang agama dan negara. Bukankah demikian?

(END)